



## JPV, DOSM kumpul data bekalan ayam

SERDANG - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan **Jabatan Perangkaan (DOSM)** dipertanggungjawabkan untuk mengumpulkan data berkaitan bekalan ayam bagi memastikan kawalan keselamatan makanan diuruskan secara teratur, kata Pengerusi Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa.

"Tanpa data jelas, isu keselamatan makanan tidak dapat diuruskan dengan komprehensif," kata Menteri Komunikasi dan Multimedia itu bahawa ia bagi mengelakkan kerajaan membuat tindakan sementara dan dasar yang tidak tetap.

Annuar berkata, JPV diberi masa seminggu untuk mencadangkan satu corak pengurusan data pengeluaran ayam dan import ayam, selain mesti mempunyai data terkini mengenai rekod import permit bagi mengetahui jumlah import ayam.

DOSM pula perlu menyediakan Indeks Kos Pengeluaran Ayam secara bulanan, dan angka itu akan dijadikan rujukan sebagai penanda aras untuk menentukan harga wajar di peringkat peruncitan dan peringkat jualan, katanya pada sidang media di sini pada Khamis selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Jihad Tangani Inflasi siri ke-10.

Annuar berkata, dasar mengenai import dan eksport ayam bulat termasuk harga minyak masak yang ditetapkan buat masa ini akan dikekalkan sehingga JPV dan DOSM menguasai pengurusan data dengan lebih teratur.

"Model (pengurusan data) ini boleh diperluaskan kepada barang makanan lain bagi memastikan kawalan keselamatan makanan lebih teratur berdasarkan pengurusan yang lebih tersusun," katanya.  
– Bernama

<https://www.sinarharian.com.my/article/215909/berita/nasional/jpv-dosm-kumpul-data-bekalan-ayam>